

# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM 600-56/17/34 JLD. 3 ( 1 )  
Tarikh : 7 November 2025

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Datin Paduka / Dato' / Datin / Tuan / Puan

## SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 30/2025: GARIS PANDUAN PENGUKUHAN PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN PANDUAN AMALAN KLINIKAL (*CLINICAL PRACTICE GUIDELINES [CPG]*) DI MALAYSIA

### 1. TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 30/2025 ini bertujuan untuk menerangkan garis panduan pengukuhan pembentukan dan implementasi Panduan Amalan Klinikal (*Clinical Practice Guidelines [CPG]*) di Malaysia.

### 2. LATAR BELAKANG

- a. Panduan amalan klinikal (*CPG*) merupakan satu dokumen penting dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, dengan menyediakan saranan berdasarkan bukti saintifik terkini untuk meningkatkan kualiti penjagaan pesakit, mengurangkan variasi rawatan dan mengoptimumkan penggunaan sumber.
- b. *CPG* dibangunkan secara sistematik bagi membantu keputusan klinikal oleh penyedia perkhidmatan kesihatan dan pesakit, khususnya dalam situasi di mana terdapat variasi rawatan atau penggunaan sumber yang kurang efisien.
- c. Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga dikenali sebagai *Malaysian Health Technology Assessment Section* (MaHTAS) telah diberi mandat sebagai badan penyelaras kebangsaan bagi pembentukan *CPG* berasaskan bukti saintifik (*evidence-based*) sejak tahun 2001, dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pakar pelbagai bidang, persatuan profesional dan badan akademik.
- d. Proses pembentukan *CPG* merangkumi semakin sistematik terhadap literatur saintifik, penilaian kualiti bukti saintifik dan penghasilan cadangan yang disesuaikan dengan konteks tempatan serta kualiti *CPG* dinilai

menggunakan instrument antarabangsa iaitu *Appraisal of Guidelines for REsearch & Evaluation (AGREE)*.

- e. Proses pembangunan *CPG* perlu melibatkan pakar pelbagai bidang yang berkaitan, pembuat polisi, pakar metodologi, pesakit atau wakil pesakit mengikut kesesuaian topik.
- f. *CPG* yang dibangunkan perlu turut mempunyai strategi implementasi seperti modul latihan, rujukan pantas (*Quick Reference [QR]*), risalah maklumat pesakit serta latihan untuk pengamal perubatan primer.

### 3. PELAKSANAAN

- a. Garis panduan ini menjelaskan tentang keperluan pembentukan *CPG* secara sistematik bagi tujuan meningkatkan kualiti rawatan, memastikan penggunaan sumber secara efektif, dan mempromosikan keputusan klinikal berasaskan bukti saintifik sebagai sebahagian daripada sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berorientasikan nilai (*value-based*).
- b. Garis panduan ini juga menjelaskan tatacara permohonan untuk pembentukan bagi sesuatu tajuk *CPG*.
- c. Bersama ini disertakan Garis Panduan Pengukuhan Pelaksanaan Panduan Amalan Klinikal (*CPG*) untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/Dato' Indera /Datin Paduka/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

### 4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga sebarang pembaharuan dimaklumkan.

### 5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada pegawai yang bertanggungjawab:

Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
No. Tel.: 03-88831229  
Emel: [htamalaysia@moh.gov.my](mailto:htamalaysia@moh.gov.my)

## 6. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato' Indera /Datin Paduka /Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



7/11/2025

.....  
(DATUK DR. MAHATHAR BIN ABD WAHAB)

s.k. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

## SENARAI EDARAN

|   |   |
|---|---|
| Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Kewangan                                    | Pengarah<br>Bahagian Pendidikan Kesihatan                   |
| Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Perolehan dan Penswastaaan                  | Pengarah<br>Bahagian Kejururawatan                          |
| Pengarah<br>Bahagian Perkembangan Perubatan                                 | Pengarah<br>Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan<br>Pengarah  |
| Pengarah<br>Bahagian Amalan Perubatan                                       | Bahagian Kawalselia Radiasi<br>Perubatan                    |
| Pengarah<br>Bahagian Perkembangan Kesihatan<br>Awam                         | Pengarah<br>Institut Kanser Negara                          |
| Pengarah<br>Bahagian Kawalan Penyakit                                       | Pengarah<br>Institut Perubatan Respiratori                  |
| Pengarah<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan<br>Keluarga                      | Pengarah<br>Institut Kesihatan Negara                       |
| Pengarah<br>Bahagian Perancangan  | Pengarah<br>Institut Penyelidikan Tingkah Laku<br>Kesihatan |
| Pengarah<br>Bahagian Perubatan Tradisional &<br>Komplementari               | Pengarah<br>Institut Kesihatan Umum                         |
| Pengarah<br>Bahagian Regulatori Farmasi Negara                              | Pengarah<br>Institut Pengurusan Kesihatan                   |
| Pengarah<br>Bahagian Dasar dan Perancangan<br>Strategik Kesihatan Pergigian | Pengarah<br>Institut Penyelidikan Perubatan                 |
| Timbalan Pengarah<br>Cawangan Teknologi Kesihatan<br>Pergigian              | Pengarah<br>Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan          |
| Pengarah<br>Bahagian Pemakanan  | Pengarah<br>Pusat Penyelidikan Klinikal                     |
|   | Pengarah<br>Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan                |

Pengarah  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Kesihatan Kementerian Pertahanan

Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Perubatan Malaysia

*President  
Association of Private Hospitals of  
Malaysia*

Ketua Pegawai Eksekutif  
*ProtectHealth Corporation Sdn Bhd*

*Master  
Akademi Perubatan Malaysia*

Ketua Pegawai Eksekutif  
*Malaysian Healthcare Travel Council*

*Malaysian Health Coalition*

Setiausaha Kehormat  
*Malaysian Medical Association*

### **Perlis**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah  
Hospital Tuanku Fauziah, Kangar

### **Kedah**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah  
Hospital Jitra

Pengarah  
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

Pengarah  
Hospital Sik

Pengarah  
Hospital Kulim

Pengarah  
Hospital Kuala Nerang

Pengarah  
Hospital Langkawi

Pengarah  
Hospital Pendang

Pengarah  
Hospital Baling

Pengarah  
Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai  
Petani

### **Pulau Pinang**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau  
Pinang

Pengarah  
Hospital Kepala Batas

Pengarah  
Hospital Pulau Pinang

Pengarah  
Hospital Sungai Bakap

Pengarah  
Hospital Bukit Mertajam

Pengarah  
Hospital Balik Pulau

**Perak**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah  
Hospital Batu Gajah

Pengarah  
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh

Pengarah  
Hospital Parit Buntar

Pengarah  
Hospital Taiping

Pengarah  
Hospital Tapah

Pengarah  
Hospital Teluk Intan

Pengarah  
Hospital Kuala Kangsar

Pengarah  
Hospital Seri Manjung

Pengarah  
Hospital Selama

Pengarah  
Hospital Slim River

Pengarah  
Hospital Sungai Siput

Pengarah  
Hospital Kampar

Pengarah  
Hospital Gerik

**Selangor**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah  
Hospital Shah Alam

Pengarah  
Hospital Tg. Ampuan Rahimah, Klang

Pengarah  
Hospital Cyberjaya

Pengarah  
Hospital Selayang

Pengarah  
Hospital Ampang

Pengarah  
Hospital Sungai Buloh

Pengarah  
Hospital Banting

Pengarah  
Hospital Serdang

Pengarah  
Hospital Kuala Kubu Bharu

Pengarah  
Hospital Kajang

Pengarah  
Hospital Tanjung Karang

Pengarah  
Hospital Tg. Ampuan Jemaah, Sabak  
Bernam

Pengarah  
Hospital Orang Asli, Gombak

**Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur &  
Putrajaya

Pengarah  
Hospital Putrajaya

Pengarah  
Hospital Rehabilitasi Cheras

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

**Negeri Sembilan**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri  
Sembilan

Pengarah  
Hospital Tampin

Pengarah  
Hospital Tuanku Jaafar

Pengarah  
Hospital Jelebu

Pengarah  
Hospital Tuanku Ampuan Najihah

Pengarah  
Hospital Jempol

Pengarah  
Hospital Port Dickson

Pengarah  
Hospital Rembau

**Melaka**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah  
Hospital Alor Gajah

Pengarah  
Hospital Melaka

Pengarah  
Hospital Jasin

**Johor**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah  
Hospital Pontian

Pengarah  
Hospital Sultanah Aminah, Johor  
Bahru

Pengarah  
Hospital Tangkak

Pengarah  
Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru

Pengarah  
Hospital Sultanah Fatimah, Muar

Pengarah  
Hospital Segamat

Pengarah  
Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu  
Pahat

### **Pahang**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah  
Hospital Tengku Ampuan Afzan

Pengarah  
Hospital Sultan Hj. Ahmad Shah

Pengarah  
Hospital Kuala Lipis

Pengarah  
Hospital Bentong

Pengarah  
Hospital Pekan

### **Terengganu**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah  
Hospital Sultanah Nur Zahirah

Pengarah  
Hospital Kemaman

Pengarah  
Hospital Dungun

Pengarah  
Hospital Mersing

Pengarah  
Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom

Pengarah  
Hospital Kota Tinggi, Kluang

Pengarah  
Hospital TSM Tun Ibrahim, Kulai

Pengarah  
Hospital Raub

Pengarah  
Hospital Jerantut

Pengarah  
Hospital Jengka

Pengarah  
Hospital Sultanah Hjh. Kalsom

Pengarah  
Hospital Muadzam Shah

Pengarah  
Hospital Bera

Pengarah  
Hospital Besut

Pengarah  
Hospital Setiu

Pengarah  
Hospital Hulu Terengganu

### **Kelantan**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah  
Hospital Raja Perempuan Zainab 11

Pengarah  
Hospital Kuala Krai

Pengarah  
Hospital Tanah Merah

Pengarah  
Hospital Pasir Mas

Pengarah  
Hospital Tumpat

Pengarah  
Hospital Machang

Pengarah  
Hospital Tengku Anis

Pengarah  
Hospital Jeli

Pengarah  
Hospital Bachok

### **Sabah**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah  
Hospital Queen Elizabeth

Pengarah  
Hospital Queen Elizabeth II

Pengarah  
Hospital Likas

Pengarah  
Hospital Sandakan (Duchess of Kent)

Pengarah  
Hospital Tawau

Pengarah  
Hospital Lahad Datu

Pengarah  
Hospital Keningau

Pengarah  
Hospital Beaufort

Pengarah  
Hospital Kota Belud

Pengarah  
Hospital Sipitang

Pengarah  
Hospital Tenom

Pengarah  
Hospital Ranau

Pengarah  
Hospital Papar

Pengarah  
Hospital Semporna

Pengarah  
Hospital Kinabatangan

Pengarah  
Hospital Kota Marudu

Pengarah  
Hospital Beluran

Pengarah  
Hospital Kudat

Pengarah  
Hospital Pitas

**Sarawak**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah  
Hospital Kanowit

Pengarah  
Hospital Umum Sarawak

Pengarah  
Hospital Limbang

Pengarah  
Hospital Sibul

Pengarah  
Hospital Mukah

Pengarah  
Hospital Miri

Pengarah  
Hospital Serian

Pengarah  
Hospital Bintulu

Pengarah  
Hospital Daro

Pengarah  
Hospital Sri Aman

Pengarah  
Hospital Bau

Pengarah  
Hospital Kapit

Pengarah  
Hospital Betong

Pengarah  
Hospital Sarikei

Pengarah  
Hospital Marudi

Pengarah  
Hospital Saratok

Pengarah  
Hospital Lawas

**Wilayah Persekutuan Labuan**

Pengarah  
Jabatan Kesihatan Wilayah  
Persekutuan Labuan

Pengarah  
Hospital Labuan

**Universiti**

Dekan  
Fakulti Perubatan  
Universiti Malaya

Dekan  
Fakulti Perubatan  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Dekan  
Fakulti Perubatan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Dekan  
Kulliyah Perubatan  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia

Dekan  
Pusat Pengajian Sains Perubatan  
Universiti Sains Malaysia

Dekan  
Fakulti Perubatan dan Sains  
Kesihatan  
Universiti Putra Malaysia


Dekan  
Fakulti Perubatan  
Universiti Teknologi MARA

Dekan  
Fakulti Perubatan & Kesihatan  
Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional  
Malaysia

Dekan  
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan  
Universiti Sains Islam Malaysia

Dekan  
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sabah

Dekan  
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan  
Universiti Malaysia Sarawak



Kementerian Kesihatan Malaysia

**GARIS PANDUAN PENGUKUHAN  
PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN  
PANDUAN AMALAN KLINIKAL  
(*CLINICAL PRACTICE GUIDELINES [CPG]*)**

**DISEDIAKAN OLEH: KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
TARIKH: NOVEMBER 2025**

**GARIS PANDUAN PENGUKUHAN PEMBENTUKAN DAN PELAKSANAAN  
PANDUAN AMALAN KLINIKAL (CLINICAL PRACTICE GUIDELINES [CPG])**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Memperkukuh pembentukan, pelaksanaan dan penggunaan panduan amalan klinikal (CPG) di Malaysia dalam membuat keputusan berkaitan rawatan dan pengurusan pesakit, bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, selamat, dan berasaskan bukti saintifik, serta meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber kesihatan.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 CPG ditakrifkan sebagai kenyataan (*statements*) yang mengandungi saranan (*recommendations*) bertujuan untuk mengoptimumkan penjagaan pesakit berdasarkan semakan sistematik (*systematic review*) bukti-bukti saintifik dan penilaian terhadap manfaat serta mudarat pelbagai pilihan penjagaan dan rawatan yang ada.
- 2.2 Matlamat utama CPG adalah untuk meningkatkan kualiti penjagaan pesakit. CPG memberi panduan untuk membantu pertimbangan klinikal dan mengurangkan variasi dalam perawatan pesakit. Keputusan akhir dalam pengurusan klinikal pesakit bergantung kepada keadaan individu pesakit, situasi setempat, pilihan pesakit serta pertimbangan klinikal pasukan penjagaan kesihatan yang terlibat. CPG seharusnya memberi panduan kepada penyedia perkhidmatan kesihatan dalam menyediakan perkhidmatan dan membantu pesakit membuat keputusan dalam memilih rawatan yang tersedia.
- 2.3 Pembentukan CPG berasaskan bukti saintifik telah menjadi standard dalam system kesihatan di banyak negara seperti United Kingdom, Kanada, Australia, Korea Selatan dan beberapa buah negara lagi. Pelaksanaan *evidence-based CPG* di negara-negara ini disokong oleh sistem kesihatan nasional yang menekankan keperluan penyampaian rawatan yang berkualiti, seragam dan kos efektif.
- 2.4 CPG yang dibangunkan secara *evidence-based* dapat memastikan setiap cadangan yang dikemukakan disokong oleh bukti yang sahih, terkini dan relevan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kepercayaan dalam membuat keputusan klinikal, malah meningkatkan keberkesanan rawatan, mengoptimumkan penggunaan sumber kesihatan, dan menjamin keselamatan pesakit secara menyeluruh.
- 2.5 *Evidence-based CPG* yang dibangunkan digunakan sebagai rujukan utama oleh pengamal perubatan, pembuat dasar, institusi latihan, serta penyelidik dalam membuat keputusan berkaitan rawatan klinikal, perancangan program kesihatan dan penambahbaikan mutu penjagaan pesakit.

- 2.6 Di Malaysia, Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga dikenali sebagai *Malaysian Health Technology Assessment Section (MaHTAS)* telah diberi mandat sebagai badan penyelaras kebangsaan bagi pembentukan *CPG* berasaskan bukti saintifik (*evidence-based*) sejak tahun 2001, dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pakar pelbagai bidang, persatuan profesional, dan badan akademik.
- 2.7 Walaupun begitu, masih terdapat sebilangan garis panduan amalan klinikal yang dibangunkan melalui pendekatan sebulat suara (*consensus*), dan tidak berpandukan kepada kaedah yang berasaskan bukti saintifik yang kukuh.
- 2.8 *Evidence-based CPG* juga dibentuk oleh Program Kesihatan Pergigian dan badan professional. Draf *CPG* yang dihasilkan akan dihantar kepada MaHTAS untuk kelulusan Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal.
- 2.9 Justeru, garis panduan ini akan menjelaskan kaedah memohon untuk pembentukan *evidence-based CPG* baru atau kemaskini (*update*), proses pembentukan *CPG*, proses semakan dan kelulusan serta strategi implementasi.

### 3. ISU-ISU YANG BERKAITAN

- 3.1 *Evidence-based CPG* memainkan peranan yang amat penting dalam sistem kesihatan berasaskan nilai dengan memastikan rawatan dan pengurusan pesakit yang dilaksanakan di fasiliti Kesihatan Malaysia adalah selamat, berkesan, berasaskan bukti saintifik yang kukuh serta kos efektif.
- 3.2 Masih terdapat banyak garis panduan yang dibangunkan secara *consensus*, yang tidak disandarkan kepada bukti saintifik yang terkini. Justeru, penyediaan *evidence-based CPG* secara sistematik diperlukan untuk menyokong keputusan klinikal yang tepat dan berkualiti.
- 3.3 Kepelbagaian dalam pendekatan rawatan serta perkembangan pesat intervensi perubatan dan teknologi kesihatan seperti ubat-ubatan baharu, rawatan digital dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence [AI]*) menuntut pembangunan *CPG* yang relevan dan berasaskan bukti bagi memastikan cadangan rawatan adalah bersesuaian dengan keperluan semasa serta memberi manfaat kepada pesakit.
- 3.4 Pemantapan pembangunan dan pelaksanaan *CPG* berasaskan bukti saintifik dapat menyelaraskan (*standardise*) dan memperkukuhkan amalan *value-based healthcare* dalam sistem kesihatan Malaysia. *Evidence-based CPG* yang dibangunkan secara telus, sistematik dan inklusif dapat menyokong perancangan sumber manusia, kewangan dan logistik yang lebih strategik dan berfokus kepada hasil rawatan yang terbaik untuk pesakit.

#### 4. SKOP DAN TADBIR URUS PANDUAN AMALAN KLINIKAL

- 4.1 CPG yang dibangunkan di Malaysia adalah dokumen berasaskan bukti saintifik yang merangkumi cadangan berkaitan pencegahan, pengesanan, diagnosis, rawatan, rehabilitasi dan penjagaan lanjutan bagi sesuatu keadaan kesihatan.

Skop *evidence-based CPG* melibatkan pelbagai bidang kesihatan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- 4.1.1 Penyakit tidak berjangkit
- 4.1.2 Penyakit berjangkit
- 4.1.3 Kesihatan wanita, ibu mengandung dan kanak-kanak
- 4.1.4 Kesihatan lelaki
- 4.1.5 Rawatan kecemasan dan kritikal
- 4.1.6 Penjagaan paliatif dan akhir hayat
- 4.1.7 Penjagaan primer dan penjagaan di komuniti
- 4.1.8 Prosedur intervensi dan pembedahan

- 4.2 *Evidence-based CPG* yang diluluskan oleh Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal adalah terpakai untuk semua fasiliti kesihatan termasuk kerajaan dan swasta di Malaysia.

- 4.3 CPG boleh dibentuk oleh MaHTAS, Bahagian lain mahupun badan professional. Semua draf CPG yang dibentuk perlu dihantar kepada MaHTAS untuk semakan dan penilaian oleh Jawatankuasa Penasihat Teknikal Panduan Amalan Klinikal menggunakan *Appraisal of Guidelines for Research and Evaluation (AGREE)* yang terkini sebelum dibentangkan untuk kelulusan Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal. Gambarajah struktur tadbir urus adalah seperti di **Lampiran 1**.

#### 5. KEPERLUAN

- 5.1 CPG merupakan dokumen berasaskan bukti saintifik yang dibangunkan secara sistematik untuk menyokong penggubalan dasar dan polisi kesihatan yang seragam serta berkesan. Ia berfungsi sebagai rujukan utama dalam menetapkan amalan *standard* bagi rawatan dan pengurusan pelbagai keadaan kesihatan, di samping memandu penjagaan pesakit yang berkualiti, selamat dan konsisten.

- 5.2 Pelaksanaan CPG membolehkan pemilihan intervensi klinikal yang bersesuaian, berkesan dan memberi pulangan yang optimum (*value for money*). CPG yang dibangunkan melalui penilaian kritikal terhadap bukti saintifik juga menyokong penggunaan sumber kesihatan berasaskan nilai (*value-based healthcare*).

- 5.3 CPG yang dibangunkan perlu disemak dan dikemaskini secara berkala berdasarkan bukti baharu atau keperluan semasa. Proses ini penting untuk memastikan CPG kekal relevan, terkini dan sesuai digunakan dalam sistem kesihatan negara. Penilaian semula terhadap CPG yang lama juga membolehkan amalan yang telah usang digantikan dengan cadangan yang

lebih berkesan dan selamat, seterusnya memperkukuhkan kualiti penjagaan pesakit secara menyeluruh.

## 6. PELAKSANAAN

- 6.1 Garis panduan ini menjelaskan tentang keperluan pembentukan dan implementasi *CPG* berasaskan bukti saintifik sebagai rujukan utama dalam amalan klinikal di fasiliti kesihatan. Pelaksanaan *CPG* bertujuan menyokong penggubalan dasar, standardisasi rawatan, serta memperkukuhkan keputusan klinikal yang selamat, berkesan dan berkualiti dalam sistem kesihatan negara.
- 6.2 Garis panduan ini turut menerangkan tatacara permohonan, pembentukan dan keperluan aktiviti pelaksanaan *CPG* yang merangkumi penyebaran (*dissemination*) dokumen penuh dan rujukan pantas (*Quick Reference [QR]*), pelancaran rasmi, *training of core trainers*, *echo-training* dan sokongan bahan pendidikan lain. Elemen-elemen ini adalah penting bagi memastikan penyampaian dan pemahaman *CPG* secara menyeluruh di semua peringkat penyedia perkhidmatan kesihatan.
- 6.3 Sehubungan itu, pihak yang membangunkan *CPG* bertanggungjawab untuk mengikut garis panduan ini untuk pembentukan dan implementasi *CPG* yang berstruktur dan sistematik.

## 7. TATACARA PERMOHONAN BAGI PEMBENTUKAN *CPG* OLEH MaHTAS

- 7.1 Tatacara permohonan ini terpakai untuk *CPG* yang dibentuk oleh MaHTAS sahaja.
- 7.2 Tajuk *CPG* boleh dipohon oleh pembuat dasar atau profesional kesihatan dari sektor awam melalui Ketua-Ketua Perkhidmatan Kebangsaan KKM. Permohonan juga boleh dikemukakan oleh pelbagai pihak lain yang berkepentingan termasuk:
  - 7.2.1 Bahagian-bahagian klinikal di bawah KKM
  - 7.2.2 Ketua-Ketua Perkhidmatan Kebangsaan atau Jawatankuasa Subspesialiti berkaitan
  - 7.2.3 Badan-badan dan persatuan profesional Kesihatan
  - 7.2.4 Program-program kesihatan awam atau kumpulan advokasi pesakit
  - 7.2.5 Hospital, universiti serta institusi kesihatan lain yang terlibat dalam penyelidikan atau penyampaian perkhidmatan kesihatan.
- 7.3 Permohonan boleh dipohon untuk:
  - 7.3.1 Pembentukan *CPG* baharu
  - 7.3.2 Pengemaskinian *CPG* sedia ada
- 7.4 Borang permohonan untuk pembentukan *CPG* adalah seperti di **Lampiran 2** dan boleh dimuat turun daripada laman sesawang myMaHTAS atau portal rasmi KKM.

- 7.5 Tajuk-tajuk yang di terima akan disaring dan ditentukan keutamaan oleh Jawatankuasa Penasihat Teknikal Panduan Amalan Klinikal. Tajuk CPG mengenai penyakit dengan beban yang tinggi, terdapat variasi amalan klinikal yang ketara, kemunculan bukti saintifik terkini atau intervensi baharu yang memerlukan panduan dikemaskini atau kepentingan di peringkat nasional akan diberi keutamaan untuk pembentukan.
- 7.6 Maklumat lanjut berkaitan CPG boleh didapati daripada *Manual on Development and Implementation of Evidence-Based Clinical Practice Guidelines* yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang myMaHTAS atau portal rasmi KKM.

## 8. TATACARA PEMBENTUKAN DAN IMPLEMENTASI CPG

- 8.1 Berdasarkan *Manual on Development and Implementation of Evidence-Based Clinical Practice Guidelines 2015*, CPG ialah dokumen yang dibangunkan secara sistematik menggunakan proses *systematic review* dan penghasilan rekomendasi berasaskan bukti penilaian manfaat dan kemudaratan pelbagai pilihan penjagaan. Tujuannya adalah untuk membantu pengamal perubatan dan pesakit membuat keputusan penjagaan kesihatan yang optimum berdasarkan penyakit atau kondisi tertentu.
- 8.2 Sehubungan itu, sebarang garis panduan amalan klinikal yang dibangunkan tanpa mengikut metodologi tersebut, termasuk yang hanya berasaskan konsensus adalah tidak menepati kriteria sebagai CPG berasaskan bukti dan tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal (*HTA & CPG Council*) melalui MaHTAS, KKM.
- 8.3 Semua pihak di luar MaHTAS yang berhasrat membangunkan CPG berasaskan bukti wajib mematuhi sepenuhnya tatacara pembentukan seperti yang dinyatakan dalam Manual pembentukan dan implementasi CPG tersebut. Adalah disarankan agar khidmat nasihat daripada MaHTAS diperoleh terlebih dahulu sebelum memulakan proses pembangunan bagi memastikan dokumen tersebut dapat dinilai dan diiktiraf secara rasmi.
- 8.4 Sekurang-kurangnya 50% daripada ahli kumpulan pembentuk CPG mestilah terdiri daripada wakil KKM bagi memastikan representasi yang menyeluruh merangkumi kedua-dua sektor awam dan swasta.
- 8.5 Pembentukan setiap tajuk CPG mestilah dijalankan oleh sekumpulan pakar-pakar yang terdiri daripada pelbagai disiplin yang berkaitan dengan tajuk CPG tersebut.
- 8.6 Setiap ahli kumpulan pembentuk CPG mestilah menjalani latihan berkaitan pembentukan dan pelaksanaan CPG berasaskan bukti (*evidence-based CPG*) yang dikendalikan oleh MaHTAS sebelum memulakan pembangunan mana-mana CPG di bawah KKM.

- 8.7 Sekiranya sesuatu *CPG* dibangunkan oleh bahagian atau organisasi di luar MaHTAS, adalah disarankan agar MaHTAS dijemput untuk memberi taklimat atau bimbingan metodologi. Langkah ini bertujuan memastikan proses pembentukan *CPG* dilaksanakan secara teratur dan sistematik, serta mematuhi standard kebangsaan yang ditetapkan dan selaras dengan prinsip pembangunan *CPG* berasaskan bukti saintifik.
- 8.8 Semua ahli kumpulan pembentuk *CPG* wajib membuat pengisytiharan konflik kepentingan (*conflict of interest*) pada permulaan proses pembangunan, serta apabila berlaku sebarang perubahan status kepentingan semasa proses tersebut. Pengisytiharan ini penting bagi memastikan ketelusan, kebolehpercayaan dan integriti dalam pembangunan *CPG*.
- 8.9 Pencarian bukti-bukti saintifik mestilah dijalankan menggunakan kaedah yang sistematik dan menyeluruh.
- 8.10 Bukti-bukti saintifik yang digunakan dalam pembangunan *CPG* perlu dinilai secara kritikal, manakala penggredan rekomendasi hendaklah dilakukan berdasarkan prinsip *GRADE* (*Grading of Recommendations Assessment, Development and Evaluation*). Penulisan *CPG* mestilah mematuhi sepenuhnya keperluan semasa *Appraisal of Guidelines for Research and Evaluation* (*AGREE*) yang terkini.
- 8.11 Setiap rekomendasi dalam *CPG* mestilah disandarkan dan disokong oleh bukti-bukti saintifik yang diperoleh melalui proses pencarian yang sistematik dan menyeluruh.
- 8.12 Setiap dokumen *CPG* yang dibangunkan hendaklah disemak oleh pakar-pakar pelbagai disiplin yang berkaitan melalui proses *peer review*, termasuk wakil pesakit (sekiranya bersesuaian dengan tajuk *CPG*). Semua maklum balas yang diterima perlu dipertimbangkan secara telus dan didokumentasikan dengan lengkap sebelum versi akhir dihantar kepada MaHTAS untuk penilaian oleh Jawatankuasa Penasihat Teknikal Panduan Amalan Klinikal. Versi akhir tersebut kemudiannya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal untuk tujuan kelulusan. Borang permohonan bagi penilaian dokumen *CPG* boleh didapati di **Lampiran 3** dan boleh dimuat turun daripada laman sesawang myMaHTAS atau portal rasmi KKM. Maklumbalas hasil penilaian akan dimaklumkan kepada pihak pemohon menggunakan borang seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 4**.
- 8.13 Sesi maklum balas awam (*public consultation*) hendaklah dilaksanakan melalui hebahan rasmi di laman sesawang MaHTAS atau portal KKM untuk mendapatkan pandangan terbuka daripada profesional kesihatan, akademia, badan profesional, serta masyarakat umum bagi tempoh masa yang ditetapkan.
- 8.14 Setelah diluluskan, semua dokumen *CPG* yang sah hendaklah diterbitkan secara akses terbuka (*open access*) di laman sesawang myMaHTAS dan portal rasmi KKM. Selain itu, penyebaran dokumen tersebut turut digalakkan melalui laman sesawang persatuan profesional dan badan saintifik yang berkaitan,

bagi memastikan capaian yang meluas serta penggunaan yang optimum oleh semua penyedia perkhidmatan kesihatan.

- 8.15 Strategi implementasi mestilah dijalankan untuk setiap *CPG* yang telah diluluskan oleh Majlis Penilaian Teknologi Kesihatan dan Panduan Amalan Klinikal. Antara aktiviti pelaksanaan tersebut adalah:
- a) Penyediaan dokumen sokongan:
    - i. rujukan pantas (*QR*)
    - ii. modul latihan
    - iii. risalah pesakit - mengikut kesesuaian tajuk
  - b) Pelancaran dokumen *CPG* secara rasmi
  - c) Program latihan kandungan *CPG* kepada:
    - i. petugas kesihatan di sektor awam dan swasta
    - ii. pelajar bidang perubatan dan kesihatan
  - d) Pemantauan dan penilaian keberkesanan pelaksanaan *evidence-based CPG* melalui indikator klinikal dan audit.

Aktiviti-aktiviti pelaksanaan ini adalah di bawah tanggungjawab organisasi yang membentuk *CPG* tersebut.

- 8.16 Bagi memastikan pelaksanaan *CPG* yang berkesan, setiap *CPG* yang diluluskan hendaklah diberikan mandat peruntukan latihan bagi melaksanakan aktiviti latihan berstruktur (contohnya *Training of Core Trainers* dan *Echo Training*).

Peruntukan ini perlu dimasukkan dalam perancangan bajet tahunan bahagian atau organisasi yang membangunkan *CPG* tersebut.

- 8.17 Penggunaan platform digital bertujuan meningkatkan kebolegunaan dan ketelusan, serta memastikan semua pengamal kesihatan di pelbagai peringkat mendapat akses kepada *CPG* yang sah, terkini dan mudah dicapai.

## 9. TARIKH BERKUATKUASA PELAKSANAAN


Garis panduan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga sebarang pembaharuan dimaklumkan.

## 10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
No. telefon: 03-88831229  
Emel: [htamalaysia@moh.gov.my](mailto:htamalaysia@moh.gov.my)

Lampiran 1



Gambarajah 1: Struktur Tadbir Urus Panduan Amalan Klinikal di Kementerian Kesihatan Malaysia

**PROPOSAL FOR CLINICAL PRACTICE GUIDELINES (CPG)  
CADANGAN UNTUK CPG**

---

1. **Title (*Tajuk*)**  

---

---
2. **Summary of Clinical Problem & Outcome**  
*(Ringkasan Mengenai Masalah Klinikal & Outcome)*  

---

---

---
3. **Brief Background of Clinical Topic to Be Addressed**  
*(Latarbelakang Ringkas Tajuk Klinikal)*  

---

---

---
4. **Evidence Of Variation In Practice**  
*(Bukti Perbezaan Dalam Amalan)*  

---

---

---
5. **Likely Benefits of Developing & Implementing CPG**  
*(Faedah Dijangkakan Dari Pembentukan & Perlaksanaan CPG)*  

---

---

---
6. **Size & Strength of Evidence on This Topic (cite key references)**  
*(Saiz Dan Kekuatan Bukti Saintifik Yang Sediada.)*  

---

---

---
7. **Aspects of Management of The Clinical Condition To Be Focused On**  
*(Aspek Penjagaan Klinikal Yang Akan Di Beri Tumpuan)*  

---

---

---
8. **Any Related Existing Guidelines or Protocols**  
*(Panduan Atau Protokol berkaitan Yang Sediada)*  

---

---

---



PARTICULARS OF APPLICANT  
(BUTIR-BUTIR PEMOHON)

Name (*Nama*)

---

Designation (*Jawatan*)

---

Specialty (*Kepakaran*)

---

Place of work (*Tempat bertugas*)

---

---

Address (*Alamat*):

---

---

---

Tel: \_\_\_\_\_

Fax: \_\_\_\_\_

E-mail: \_\_\_\_\_

Signature : \_\_\_\_\_  
(*Tandatangan* )

Date : \_\_\_\_\_  
(*Tarikh*)

**Application Form for Evaluation of Clinical Practice Guidelines (CPG)  
Using Appraisal of Guidelines for Research and Evaluation II (AGREE II) Instrument and  
Approval by the Health Technology Assessment and CPG Council**

**Health Technology Assessment Section (MaHTAS)**

**Medical Development Division**

**Ministry of Health Malaysia**

Level 4, Block E1, Parcel E, Federal Government Administrative Centre, 62590 Putrajaya

Tel: 03-8883 1229 Email: [cpgunit.cptk@moh.gov.my](mailto:cpgunit.cptk@moh.gov.my) / [htamalaysia@moh.gov.my](mailto:htamalaysia@moh.gov.my)

**Note:**

This form serves as an official communication for the Society or Organisation to apply for evaluation and approval of the CPG by the HTA-CPG Council.

**1. INFORMATION OF APPLYING ORGANISATION/ SOCIETY**

Name of Organisation/  
Society .....

Official Address .....

Telephone Number .....

Official Email .....

Name of Chairperson/  
Head of CPG  
Development Group/  
Person in Charge .....

Designation .....

Mobile Number .....

Email .....

**2. DETAILS OF THE CPG SUBMITTED**

Full Title of CPG .....

Year of Development/  
Review .....

Version/ Edition .....

Health Area/ Discipline .....

Main Objective of the CPG .....

Method of Development  
(tick one)       De novo       Adaptation       Consensus

Disciplines Involved in the CPG Development Group .....

Has a Public Consultation Been Conducted?  Yes  No Date: .....

**3. REQUEST FOR EVALUATION BY MaHTAS**

The organisation/ society hereby **requests that the Health Technology Assessment Section (MaHTAS):**

- Conducts an evaluation of the above CPG using the **AGREE II Instrument** to ensure compliance with the national standards for evidence-based guideline development.
- Prepares an official appraisal report for **consideration and approval by the Health Technology Assessment and Clinical Practice Guidelines (HTA-CPG) Council.**

We understand that only CPGs that **fully comply with the Guideline on Strengthening the Development and Implementation of CPGs by the Ministry of Health (MoH)** and adopt a rigorous evidence-based methodology will be accepted for evaluation and official approval by HTA-CPG Council.

**4. DOCUMENTS TO BE ATTACHED**

|  |  |
|--|--|
|  | Full copy of the CPG (latest version, including appendices and references) |
|  | Quick Reference (if available)   |
|  | List of CPG development group members (with designation and organisation)  |
|  | List of CPG reviewers (with designation and organisation)                  |
|  | Evidence of public consultation (if available)                             |
|  | Official letter from the organisation requesting this application          |

**5. DECLARATION BY APPLICANT**

I, the undersigned, confirm that all information provided in this form is accurate and complete.

Signature & Official Stamp: .....

Name : .....  
 Designation : .....  
 Organisation : .....  
 Date : .....

**6. FOR MaHTAS USE ONLY**

Date Form Received .....

Name of Receiving Officer .....

Evaluation Status       Accepted       Incomplete

Date of AGREE II Evaluation .....

Decision                       Approved       Requires Revision       Not Approved

Signature of MaHTAS Officer .....

---

**Evaluation Feedback Form for Clinical Practice Guidelines (CPG) Appraisal Using  
Appraisal of Guidelines for Research and Evaluation II (AGREE II) Instrument  
for Societies/ Organisations**

Medical Development Division  
Health Technology Assessment Section (MaHTAS)  
Ministry of Health Malaysia  
Level 4, Block E1, Parcel E, Federal Government Administrative Centre, 62590 Putrajaya  
Tel: 03-8883 1229 Email: [cpgunit.cptk@moh.gov.my](mailto:cpgunit.cptk@moh.gov.my) / [htamalaysia@moh.gov.my](mailto:htamalaysia@moh.gov.my)

**1. INFORMATION OF ORGANISATION/ SOCIETY**

Name of Organisation/  
Society .....

Title of CPG .....

Year/ Version/ Edition .....

Contact Person .....

Designation .....

Email/ Telephone .....

**2. SUMMARY OF AGREE II EVALUATION**

This section summarises the evaluation outcome of the submitted CPG based on the **AGREE II Instrument** and overall assessment by the Technical Advisory Committee (TAC) for CPG done on .....

| Domains                     | Overall Score | Comments/ Recommendations |
|-----------------------------|---------------|---------------------------|
| 1. Scope and Purpose        |               |                           |
| 2. Stakeholder Involvement  |               |                           |
| 3. Rigor of Development     |               |                           |
| 4. Clarity and Presentation |               |                           |
| 5. Applicability            |               |                           |
| 6. Editorial Independence   |               |                           |

